Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A dan B1(a)(ii) **Polisi** ini akan melindungi **Kereta Anda** semasa digunakan di Negara Thailand berkuat kuasa dari masa perlindungan tersebut dibeli pada [nyatakan tarikh] hingga tengah malam (Waktu Rasmi Malaysia / pada [nyatakan tarikh]). Had liabiliti yang **Kami** berikan di bawah Seksyen B1(a)(ii) adalah sehingga jumlah maksimum sebanyak RM100,000 sahaja.

Endorsmen ini tidak melindungi liabiliti dari segi undang-undang di bawah Seksyen B1(a)(i) semasa **Kereta Anda** digunakan di Negara Thailand.

**Endorsmen 102: Perluasan Perlindungan ke Kalimantan**

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** kawasan geografi **Polisi** ini diperluas untuk meliputi Kalimantan berkuat kuasa dari \_\_\_\_\_ pagi / petang / malam pada [nyatakan tarikh] hingga ke tengah malam (Waktu Rasmi Malaysia) pada [nyatakan tarikh] tertakluk pada had liabiliti sebanyak RM50,000 di bawah Bahagian B1(a)(i) dan B1(a)(ii).

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

**Endorsmen 105: Had Liabiliti bagi Kerosakan Harta Pihak Ketiga**

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju untuk menambah had liabiliti yang diberikan di bawah Seksyen B2(ii) **Polisi** sehingga RM [nyatakan had baharu] berkuat kuasa dari [nyatakan tarikh].

Had liabiliti yang melebihi RM3 juta sehingga RM20 juta adalah dibenarkan tertakluk kepada premium tambahan yang dinyatakan seperti di bawah:

**Had liabiliti Kerosakan Harta Pihak Ketiga**

Dari RM3 juta sehingga RM4 juta	-	15% dari Premium Pihak Ketiga
Sehingga RM6 juta	-	30% dari Premium Pihak Ketiga
Sehingga RM10 juta	-	45% dari Premium Pihak Ketiga
Sehingga RM20 juta	-	60% dari Premium Pihak Ketiga

**Endorsmen 109: Perluasan Perlindungan Transit Feri ke dan / atau dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan**

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A **Polisi** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** semasa dalam transit ke dan / atau dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Anda** mesti menanggung 1% pertama dari **Amaun Diinsuranskan** atau RM500 (yang mana yang lebih tinggi) bagi setiap tuntutan yang timbul dari satu transit bagi setiap tuntutan yang mesti dibayar di bawah endorsmen ini. **Kami** berhak memotong amaun ini di samping **Ekses** yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi** ini.

**Endorsmen 111: Pampasan “Diskaun Tanpa Tuntutan” Tahun Semasa  
(diguna pakai hanya bagi Polisi Komprehensif Kereta Persendirian)**

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju membayar balik Diskaun Tanpa Tuntutan yang **Anda** telah hilang kerana membuat tuntutan di bawah **Polisi** ini. Amaun yang **Kami** akan bayar balik adalah sama dengan peratus kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** yang ditunjukkan di dalam **Jadual Polisi** ini bagi **Tempoh Insurans** semasa.

Perlindungan yang diberikan di bawah endorsmen ini akan tamat secara automatik apabila:

- Kami** membuat bayaran bagi sesuatu tuntutan di bawah endorsmen ini;
- pemilikan **Polisi** ini dipindahkan ke pihak yang lain; atau
- Anda** menarik balik kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** daripada **Polisi** ini.

**Kami** tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** jika perlindungan di bawah endorsmen ini ditamatkan seperti yang tersebut di atas atau **Anda** telah membatalkan endorsmen ini pada bila-bila masa.

**Endorsmen 112: Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (Compensation for Assessed Repair Time (CART))**

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** akan membayar pampasan bagi jumlah hari yang **Kami** anggarkan diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** di bawah Seksyen A **Polisi** ini ('tempoh pembaikan yang dianggarkan'). **Kami** bersetuju bahawa bayaran akan didasarkan pada tempoh pembaikan yang dianggarkan oleh **Ajuster** atau amaun maksimum yang diberikan di dalam **Jadual Polisi** atau yang mana lebih rendah.

Kadar maksimum bagi setiap hari dan jumlah hari maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah endorsmen ini terhad kepada jumlah yang disebutkan di dalam **Jadual Polisi** di bawah tajuk '**Endorsmen 112**'.

**Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses** bagi setiap tuntutan yang **Kami** setuju untuk bayar di bawah endorsmen ini dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

**Kami** tidak akan membayar:

- jika tuntutan **Anda** hanya untuk cermin pecah yang boleh dibayar di bawah **Endorsmen 89**;
- untuk sebarang kelewatan dari segi tempoh masa yang diambil untuk membaiki **Kereta Anda** (lebih dari tempoh anggaran pembaikan) atas apa juga sebab sekali pun. Keputusan muktamad tentang tempoh masa yang diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** akan ditentukan oleh **Kami** tanpa mengira sama ada tuntutan **Anda** dikemukakan secara terus kepada **Kami** atau terhadap pihak ketiga;
- jika tuntutan **Anda** adalah untuk kecurian atau kerugian sepenuhnya **Kereta Anda**; atau
- jika tuntutan **Anda** di dalam proses BER.

**Kami** tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** jika **Anda** membatalkan endorsmen ini pada bila-bila masa.

**Endorsmen 113: Rujukan untuk Sistem Penilaian Pasaran Kenderaan Bermotor**

Ini merujuk kepada **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor yang diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) untuk menentukan **Amaun Diinsuranskan Kereta Anda** pada masa **Anda** membeli / memperbaharui **Polisi** dan juga pada masa berlakunya kerugian tersebut.

Apabila tuntutan dibuat, **Nilai Pasaran Kereta Anda** akan ditentukan oleh (nama **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor) dan nilai ini akan diterima sebagai kos pembelian kereta gantian yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaannya pada masa kerugian berlaku.

Jika tidak ada **Nilai Pasaran** daripada (nama **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor) bagi **Kereta Anda**, **Nilai Pasaran Kereta** itu akan ditentukan oleh **Ajuster**, yang dipersetujui oleh **Anda** dan **Kami**.

Penilaian yang dibuat oleh (nama **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor) atau **Ajuster** adalah muktamad berkaitan dengan **Nilai Pasaran Kereta Anda** di dalam mana-mana prosiding undang-undang terhadap **Kami**.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

**Nota:** \*SNKHoldings Sdn Bhd

**Endorsmen A200: Pengecualian Untuk Ekses Wajib Jika Bukan Pemandu Dinamakan (Bukan-Tariff)**

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju untuk mengecualikan potongan **Ekses Wajib** sebanyak RM400 seperti yang dinyatakan dalam Seksyen A2.g (sila lihat lampiran muka surat 11 dalam **Polisi** ini), jika **Anda** atau sesiapa yang **Anda** benarkan untuk memandu **Kereta Anda** tidak dinamakan di dalam **Jadual Polisi** sebagai **Pemandu Dinamakan**.

Namun, pengecualian ini tidak digunapakai jika orang yang memandu dengan kebenaran **Anda**:

- adalah di bawah umur 21 tahun; atau
- memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L); Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

**Endorsement A201: Pengecualian Untuk Menyumbang Penambahbaikan (Bukan-Tariff)**

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju untuk mengecualikan keperluan sumbangan **Anda** terhadap sebahagian kos peralatan baru yang digunakan dalam pembaikan kereta **Anda** yang boleh dikategorikan sebagai penambahbaikan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen A 2.f (sila lihat lampiran muka surat 11 dalam **Polisi** ini). Kos peralatan baru untuk pembaikan **Kereta Anda** akan ditanggung oleh **Kami**.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

**Endorsmen A202: Endorsemen Kereta Sewaan Persendirian (Bukan-Tariff)**

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju bahawa terma-terma polisi ini telah dipinda seperti yang dinyatakan di bawah.

'Had Penggunaan' seperti yang ditakrifkan di bawah **Sijil Insurans (CI)** dan dijelaskan di bawah **Seksyen F: Takrif perkataan yang ditandakan di dalam Polisi** adalah dipinda bagi merangkumi penggunaan **Kereta** bagi pengangkutan penumpang untuk sewaan dan tambang di bawah suatu lesen **servis e-hailing** bagi sepanjang tempoh **Kereta** tersebut dipandu oleh seorang **Pemandu Sewa Persendirian Dibenarkan** untuk kenderaan ini, dengan cara yang berikut:-

**TEMPOH PERLINDUNGAN:**

Tarikh berkuatkuasa endorsmen Perlindungan Sewaan Persendirian: *hh-bb-tttt*

Tarikh luput endorsmen Perlindungan Sewaan Persendirian: *hh-bb-tttt*

**SYARAT BAGI ENDORSMEN INI:**

Perlindungan di bawah **Polisi** ini adalah dilanjutkan oleh endorsmen ini dengan syarat bahawa **Kereta** tersebut adalah dilesenkan secara penuh oleh **APAD dan/atau LPKP** selaras dengan peruntukan pelesenan kedua-duanya bagi servis **e-hailing** untuk kereta persendirian (iaitu 'sewaan persendirian') dan di mana kesemua peruntukan pengawalseliaan atau pentadbiran untuk penggunaan bagi 'sewaan persendirian' adalah dipatuhi dengan sepenuhnya.

Sebarang pembatasan perlindungan berkenaan dengan 'sewaan persendirian' seperti yang dinyatakan dalam **Polisi** ini adalah terbatal apabila endorsmen ini berkuatkuasa.

Perlindungan ini adalah terhad kepada sempadan geografi Malaysia serta sebarang had operasi secara geografi yang mana akan atau mungkin akan dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa pentadbiran atau pelesenan.

**I) KEJADIAN YANG KAMI LINDUNGI DI BAWAH ENDORSMEN INI:**

Setiap perlindungan yang telah diambil di bawah **Polisi** ini akan diguna pakai semasa **Kereta** tersebut "**On Call**" ketika mengendalikan **servis e-hailing** yang sah. Sebagai tambahan, perlindungan insurans yang diperlukan oleh **APAD dan/atau LPKP** adalah diberikan secara khusus melalui endorsmen ini sepanjang tempoh **Kereta** tersebut "**On Call**". Tahap perlindungan ini adalah dijelaskan sepenuhnya di bawah Seksyen III 'Perlindungan Lanjutan Tambahan':-

- (i) Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri (seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen A **Polisi** tersebut)
- (ii) Liabiliti terhadap Pihak Ketiga (seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen B **Polisi** tersebut) (iii) Liabiliti dari segi undang-undang terhadap **Penumpang yang Membayar Tambang**
- (iv) Perlindungan Kemalangan Peribadi sebanyak RM50,000 yang disebabkan oleh kecederaan atau kematian akibat kemalangan **Pemandu e-Hailing Dibenarkan** semasa memandu **Kereta** tersebut
- (v) Liabiliti **Penumpang yang Membayar Tambang Di Sisi Undang-undang kerana Perbuatan Cuai**

**II) DEFINISI TERMA-TERMA TAMBAHAN:**

**Pemandu e-hailing Dibenarkan** – Mana-mana pemandu yang berdaftar dan berlesen dengan **APAD dan/atau LPKP** dan yang diberi kuasa oleh pengendali servis **e-hailing** bagi tujuan melaksanakan **servis-servis e-hailing** dengan menggunakan **Kereta** ini dan dengan kebenaran Pemegang Polisi untuk berbuat demikian.

**LPKP** – merujuk kepada pihak berkuasa pelesenan di Malaysia Timur untuk kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam iaitu Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

**Aplikasi e-hailing** – merujuk kepada aplikasi mudah alih elektronik yang dikendalikan oleh suatu perniagaan pengantaraan.

**Servis-servis e-hailing** – perniagaan sah yang dilesenkan oleh **APAD dan/atau LPKP** untuk membawa penumpang dalam kereta persendirian untuk satu fard dan yang diaturkan melalui suatu aplikasi **e-hailing**. Deskripsi "**servis-servis e-hailing**" dan "**sewaan persendirian**" adalah secara sinonim dan terpakai dalam konteks.

**Penumpang yang Membayar Tambang** – Penumpang yang membayar tambang untuk dibawa dalam **Kereta** tersebut melalui satu panggilan servis *e-hailing* bersama dengan setiap orang yang mengiringi mereka dalam perjalanan yang sama.

**“On Call”** – Tempoh yang bermula sejak **pemandu e-hailing dibenarkan** daftar masuk ke **aplikasi e-hailing**

sehingga:-

- (i) **penumpang yang membayar tambang** yang terakhir bagi perjalanan terakhir telah keluar atau turun sepenuhnya daripada kereta *e-hailing*, atau
- (ii) apabila perjalanan terakhir melalui **aplikasi e-hailing** telah tamat atau telah dibatalkan melalui **aplikasi e-hailing**, atau
- (iii) apabila pemandu *e-hailing* keluar daripada **aplikasi e-hailing** (**pemandu e-hailing dibenarkan** tidak lagi tersedia untuk **sewaan persendirian** atau untuk menerima sebarang perjalanan *e-hailing*), yang mana yang berlaku kemudian.

**Sewaan Persendirian** – lesen yang diberikan oleh **APAD** dan/atau **LPKP** yang membenarkan suatu kereta persendirian digunakan untuk perniagaan pengangkutan penumpang untuk satu fi di bawah **servis e-hailing**.

**APAD** – merujuk kepada pihak berkuasa pelesenan untuk kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam iaitu Agensi Pengangkutan Awam Darat.

### III) **PERLINDUNGAN LANJUTAN TAMBAHAN:**

#### (i) **Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri**

Perlindungan untuk Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri akan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen (A) Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri, di bawah polisi utama selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang mana telah dikeluarkan melainkan di mana perlindungan tersebut kini terpakai apabila **Kereta** tersebut **“On Call”**.

#### (ii) **Liabiliti terhadap Pihak Ketiga**

Perlindungan untuk **Liabiliti terhadap Pihak Ketiga** akan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen (B) Liabiliti terhadap Pihak Ketiga di bawah polisi utama selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang mana telah dikeluarkan melainkan di mana perlindungan tersebut kini terpakai apabila **Kereta** tersebut **“On Call”**.

#### (iii) **Liabiliti dari segi Undang-Undang terhadap Penumpang yang Membayar Tambang**

Kami akan membayar atas liabiliti **Anda** atau **Pemandu E-Hailing Dibenarkan Anda** terhadap mana-mana **Penumpang yang Membayar Tambang** yang dibawa di dalam atau semasa menaiki atau memasuki atau turun dari **Kereta** tersebut kecuali bagi:

- a. kerosakan terhadap harta kepunyaan atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **Anda** atau **Pemandu e-Hailing Dibenarkan Anda** dan/atau mana-mana ahli keluarga **Anda** atau ahli keluarga **Pemandu e-Hailing Dibenarkan Anda** melainkan jika mereka telah dibawa untuk sewaan atau mengutip tambang semasa servis *e-hailing*;
- b. apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan
- c. semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak bertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam; dan
- d. semua liabiliti yang terbangkit daripada sebarang serangan, sentuhan, rompakan, bantuan perubatan yang diberi semasa kecemasan dan/atau sebarang penanguhan yang disebabkan atau disumbangkan oleh **Anda** atau **Pemandu e-Hailing Dibenarkan Anda**; dan
- e. semua liabiliti yang disebabkan atau disumbangkan oleh pengendali servis *e-hailing* dan/atau kegagalan **aplikasi e-hailing** tersebut; dan
- f. sebarang kerugian turutan yang terbangkit daripada apa-apa yang tersebut di atas.

#### (iv) **Perlindungan Kemalangan Peribadi untuk Pemandu e-Hailing Dibenarkan**

Ini adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa Syarikat akan membayar pampasan untuk kecederaan badan yang dialami oleh **Pemandu e-Hailing Dibenarkan** semasa **“On Call”** atas syarat bahawa (1) kecederaan badan tersebut adalah khususnya dan secara bebasnya disebabkan oleh cara-cara yang ganas tidak sengaja secara luaran dan dengan cara yang boleh dilihat (tidak termasuk rawatan perubatan atau pembedahan yang disebabkan oleh kecederaan tersebut) dan (2) di mana kecederaan badan mengakibatkan Kecederaan yang boleh Dibayar seperti berikut dalam masa tiga bulan kalendar daripada berlakunya Kejadian tersebut:-

Kecederaan Yang Boleh Dibayar		Skala Pampasan (RM)
1	Kematian	50,000
2	Kehilangan penglihatan kedua-dua mata yang penuh dan tidak dapat dipulihkan	50,000
3	Kehilangan penuh secara pemutusan fizikal pada atau atas pergelangan tangan atau kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki atau satu tangan bersama dengan satu kaki	50,000
4	Kehilangan penuh secara pemutusan fizikal pada atau atas pergelangan tangan atau kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki atau satu tangan bersama dengan penuh dan tidak dapat dipulihkan	50,000
5	Kehilangan penglihatan satu mata yang penuh dan tidak dapat dipulihkan	25,000
6	Kehilangan penuh secara pemutusan fizikal pada atau atas pergelangan tangan atau satu tangan atau satu kaki	25,000
7	Kecacatan penuh daripada terlibat dalam atau memberi sebarang perhatian kepada seseorang sebegini	RM250 seminggu pekerjaan bagi tempoh tidak melebihi 26 minggu berturutan

Dengan syarat sentiasa bahawa:

- Pampasan akan dibayar di bawah salah satu daripada Kecederaan yang boleh Dibayar tersebut sahaja berkenaan dengan mana-mana seorang akibat daripada mana-mana satu kejadian. Jumlah liabiliti Syarikat tidak akan dalam agregat melebihi jumlah RM50,000 bagaimana-mana satu tempoh insurans.
- Tiada pampasan mingguan akan dibayar sehingga jumlah penuh tersebut telah disahkan dan dipersetujui.
- Tiada pampasan akan dibayar berkenaan kematian atau kecederaan secara langsung atau tidak langsung keseluruhannya atau sebahagiannya yang berbangkit atau diakibatkan atau dapat dikesan berkenaan dengan (1) kecederaan sendiri yang disengajakan, bunuh diri (sama ada secara feloni atau tidak) atau percubaan bunuh diri, kecacatan atau kelemahan fizikal atau (2) suatu kemalangan yang berlaku semasa seseorang itu berada di bawah pengaruh minuman keras yang memabukkan atau dadah.
- Tiada pampasan akan dibayar sekiranya Pemandu e-Hailing Dibenarkan tersebut tidak diberikuasa oleh pemilik kereta dan pembekal servis e-hailing pada masa Kejadian tersebut yang mengakibatkan kecederaan tersebut.

Tertakluk juga kepada Terma-terma Polisi ini.

**(v) Liabiliti Penumpang yang Membayar Tambang Di Sisi Undang-undang kerana Perbuatan Cuai**

Kami bersetuju bahawa insurans yang diperuntukkan di bawah Seksyen B Polisi ini akan termasuk liabiliti undang-undang untuk mana-mana kemalangan terhadap satu pihak ketiga yang disebabkan oleh seorang penumpang **Kereta Anda** semasa perjalanannya sebagai seorang **Penumpang yang Membayar Tambang** dalam **Kereta Anda** dengan syarat bahawa penumpang tersebut:

- tidak memandu **Kereta Anda**;
- tidak berhak untuk mendapat indemniti di bawah sebarang polisi insurans yang lain; dan
- mematuhi kesemua terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini seakan-akan beliau adalah **Anda**.

Endorsmen ini tidak melindungi:

- kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap sesiapa yang bekerja dengan **Anda** atau penumpang, dan orang itu meninggal atau cedera semasa melaksanakan kontrak pekerjaannya;
- kerosakan harta kepunyaan atau yang diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan **Anda** atau **penumpang** atau **ketika dibawa di dalam Kereta Anda**; dan/atau
- kematian atau kecederaan tubuh badan kepada pemandu atau mana-mana penumpang lain di dalam **Kereta Anda** pada masa yang sama.

**IV) BAYARAN BALIK PREMIUM:**

Tiada bayaran balik premium dibenarkan di atas pembatalan endorsmen ini.

**V) TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT POLISI YANG DIGUNA PAKAI SECARA AM:**

Kesemua terma-terma dan syarat-syarat yang lain yang diperuntukkan di bawah Polisi ini adalah tidak berubah.

**VI) PERCANGGAHAN PERKATAAN DALAM ENDORSMEN:**

Bagi mengelakkan kekeliruan, versi Endorsmen Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Endorsmen Bahasa (Malaysia) Melayu pada setiap masa.



**Endorsemen A205: Perlindungan Ehsan Banjir** (Bukan Tariff)

Sekiranya kerosakan **Kereta Anda** berlaku disebabkan banjir, **Kami** akan membayar elaun seperti yang dinyatakan dalam **Jadual SATU (1)** tuntutan hanya semasa **Tempuh Insuran** dengan menyerahkan salinan laporan tentang kejadian banjir, invoice membaiki asal/resit yang ditanggung untuk membaiki, gambar-gambar **Kereta Anda** sebelum dan selepas diperbaiki dan/atau apa jua dokumen tambahan yang mungkin perlu diserahkan kepada **Kami**.

Untuk tuntutan tersebut **Kami** bersetuju membayar berdasarkan pengesahan ini sahaja, **Kami** tidak akan mengurangkan apa jua **Ekses** dan **Anda** tidak akan kehilangan hak Diskaun Tanpa Tuntutan.

Perlindungan ini akan tamat tempuh berkuatkuasa pada tarikh tuntutan **Anda** diselesaikan dibawah pengendorsan ini.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

**Endorsemen A206: Penjagaan Kunci** (Bukan Tariff)

Sekiranya kunci **Kereta Anda** hilang/ dicuri atau rosak disebabkan kecurian atau percubaan mencuri, pecah masuk rumah, **Kami** akan membayar Anda perbelanjaan yang ditanggung dalam membaiki atau mengganti satu (1) set kunci kereta tersebut dengan jumlah yang ditentukan dalam **Jadual satu (1)** tuntutan hanya dalam **Tempuh Insuran** tertakluk kepada laporan polis yang dibuat dalam masa dua puluh empat (24) jam berlakunya kejadian, Salinan laporan polis, invoice membaiki yang asal/resit yang ditanggung untuk membaiki dan apa jua dokumen tambahan yang mungkin perlu diserahkan kepada **Kami**.

Untuk tuntutan tersebut **kami** bersetuju membayar berdasarkan pengesahan ini sahaja, **Kami** tidak akan mengurangkan apa jua **Ekses** dan **Anda** tidak akan kehilangan hak Diskaun Tanpa Tuntutan

Perlindungan ini akan tamat tempuh berkuatkuasa pada tarikh tuntutan **Anda** diselesaikan dibawah pengendorsan ini.

Kejadian yang **Kami** Tidak Lindungi.

- (a) Kehilangan atau kerosakan yang terjadi jikalau kunci (atau system masuk tanpa kunci) **Kereta Anda** dibiarkan tanpa jaminan atau tanpa pengawasan atau ditinggalkan didalam atau di **Kereta Anda** Tanpa pengawasan dan
- (b) Apa jua Tuntutan tambahan untuk kunci atau kunci pendua.

Untuk tujuan pengesahan ini.

**Kecurian, rompakan atau pecah masuk rumah** mestilah terjadi dalam situasi berikut:

- (a) Kecurian atau pecah masuk rumah dilakukan dengan cara masuk secara paksaan dan kekerasan
- (b) Rompakan bersenjata atau rompakan dengan kekerasan

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

**Endorsement A209: Pecah Masuk /Rompakan Kereta** (Bukan-Tariff)

Sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan kepada **Barangan Peribadi Anda** yang terdapat di dalam **Kereta Anda**, disebabkan oleh **Pecah Masuk /Rompakan**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan sebenar yang dilakukan untuk membaiki atau menggantikan **Barangan Peribadi** tersebut sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual yang disediakan bahawa laporan polis dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari kejadian **Pecah Masuk / Rompakan** yang berkaitan dan salinan laporan polis, invoice / resit perbaikan / penggantian asal untuk perbelanjaan yang ditanggung dan apa-apa dokumen tambahan lain) sebagaimana yang **Kami** kehendaki, dikemukakan kepada **Kami**.

Perlindungan ini sah untuk SATU (1) tuntutan hanya semasa Tempoh Insurans dan akan tamat tempoh berkuatkuasa pada tarikh Tuntutan anda diselesaikan di bawah pengendorsan ini.

Untuk tujuan pengendorsan ini:

- **Barangan Peribadi** akan terdiri daripada berikut: Tag Pintar, Kad Touch n Go, kad pengenalan pendaftaran nasional ("NRIC"), lesen pemandu, kad kredit atau kad caj, kad akses, cermin mata, peranti elektronik peribadi (seperti telefon bimbit, peranti pengecas, tablet, komputer riba, kamera), dompet, beg tangan, kekunci (kecuali kekunci untuk **Kereta Anda**) dan kasut.
- **Pecah masuk / Rompakan** dianggap telah berlaku dalam situasi berikut:
  - (a) di mana kecurian dilakukan dengan cara masuk secara paksa dan ganas ke dalam **Kereta Anda**; atau
  - (b) rompakan bersenjata atau rompakan dengan keganasan yang diancam, sementara **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** berada di dalam **Kereta Anda**.

Untuk tuntutan bahawa **Kami** bersetuju untuk membayar ganti rugi di bawah endorsmen ini sahaja, **Kami** tidak akan menolak sebarang **Ekses** dan **Anda** tidak akan kehilangan hak Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

**PAB-RW: Motor Road Warrior (Bukan-Tariff)**

Sekiranya **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang yang dengan izin **Anda**, memandu atau menunggang sebagai penumpang, mengikut mana-mana, menaiki atau turun dari **Kereta Anda** mengalami kecederaan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung dengan cara tidak sengaja maka **Kami** akan membayar jumlah atau sejumlah wang yang dinyatakan dalam **Jadual** dan mengikut terma dan syarat di bawah.

**PENGECEULIAN UMUM****ENDORSEMEN INI TIDAK MELINDUNGI KEADAAN SEPERTI BERIKUT:**

1. Kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh:
  - (a) jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik yang berlaku melalui luka atau luka yang tidak disengajakan);
  - (b) sebarang jenis penyakit; dan
  - (c) rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali yang diperlukan hanya oleh kecederaan yang dilindungi oleh endorsemen ini dan dilakukan dalam masa yang ditentukan dalam endorsemen ini).
2. Sebarang kecederaan badan yang mengakibatkan hernia;
3. Bunuh diri atau percubaan bunuh diri (waras atau tidak siaman);
4. Kerugian yang disebabkan oleh perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau perang seperti operasi (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, perang saudara, revolusi, pemberontakan, konspirasi, ketententeraan atau rampasan kuasa, undang-undang tentera, atau negara dibawah kepungan, atau mana-mana peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau pemeliharaan atau undang-undang darurat tentera atau dibawah kepungan, penyitaan, kuarantin, atau peraturan khas atau nasionalisasi oleh atau di bawah perintah pemerintah atau pihak berkuasa awam atau tempatan, dari senjata apa pun atau instrumen yang menggunakan pembelahan atom atau kekuatan radioaktif, sama ada dalam masa damai atau perang. Pengecualian ini tidak akan dipengaruhi oleh endorsemen yang tidak merujuknya secara khusus, secara keseluruhan atau sebahagian. **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang yang akan, jika diperlukan, dan sebagai syarat yang mendahului sebarang liabiliti **Kami**, membuktikan bahawa kerugian itu sama sekali tidak timbul di bawah atau melalui keadaan atau sebab yang dikecualikan di atas;
5. Semasa **Kereta Anda** digunakan untuk disewa, perlumbaan jalan raya, perentak perlumbaan, ujian kelajuan atau untuk tujuan apa pun yang berkaitan dengan perdagangan motor;
6. Di mana **Anda/Pemandu Dibenarkan** tidak memiliki lesen memandu yang sah untuk memandu **Kereta Anda** atau tidak berkelayakan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu yang sah berdasarkan peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau Mahkamah Undang-Undang. Semua faedah berdasarkan endorsemen ini tidak akan terpakai untuk penumpang di dalam **Kereta Anda** semasa **Kereta** dipandu oleh pemandu tersebut. Dengan selamanya syarat ini tidak akan terpakai jika **Anda/Pemandu Dibenarkan** mempunyai lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak dibatalkan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu tersebut di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau undang-undang lain yang berkaitan;
7. Semasa **Kereta Anda** digunakan untuk perniagaan yang tidak dibenarkan sebagai syarikat pengangkutan tidak berlesen;
8. Kelahiran anak atau keguguran atau tidak siaman melainkan disebabkan hanya dan secara tidak sengaja oleh **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang yang semasa memandu, menunggang, turun atau menaiki **Kereta Anda** atau sebarang sakit atau penyakit;
9. Mana-mana orang di bawah umur lima belas (15) hari dan di atas umur lapan puluh (80) tahun;
10. Kerugian atau kecederaan badan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya kepada **Anda/Pemandu Dibenarkan** semasa **Anda/Pemandu Dibenarkan** sedang mabuk dengan dadah atau alkohol (di luar had undang-undang) kecuali di mana **Anda/Pemandu Dibenarkan** adalah/merupakan penumpang;
11. Semasa melakukan atau cuba melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang; dan
12. Kerosakan pada semua bahagian badan **Kereta Anda** termasuk kerosakan penggunaan.

**FAEDAH****SECTION 1 – FAEDAH KEMALANGAN DIRI****(A) KEMATIAN/HILANG UPAYA KEKAL**

Sekiranya kecederaan yang dialami ketika berada di dalam **Kereta Anda** mengakibatkan kematian **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang dalam masa tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh kemalangan, **Kami** akan membayar sehingga had yang ditentukan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

Apabila kecederaan yang dialami ketika berada di dalam **Kereta Anda** tidak mengakibatkan kematian **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang tetapi mengakibatkan kerugian berikut dalam masa tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh kemalangan, **Kami** akan membayar hingga had yang ditentukan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk:

- Kehilangan kedua-dua belah tangan atau kaki
- Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata
- Kehilangan sebelah mata dan sebelah tangan
- Kehilangan sebelah mata dan sebelah kaki
- Lumpuh sepenuhnya (dari leher ke bawah)
- Kuadraplegia kekal (kehilangan atau kehilangan keseluruhan penggunaan empat anggota badan)
- Kehilangan sebelah kaki atau sebelah tangan
- Kehilangan penglihatan sebelah mata
- Tidak siaman
- Kehilangan empat jari dan ibu jari sebelah tangan
- Kehilangan pendengaran di kedua-dua belah telinga
- Kehilangan semua jari kaki
- Kehilangan daya bertutur

Kehilangan Upaya Menyeluruh Kekal bagi seseorang ahli akan dikira sebagai kehilangan suatu anggota. Kehilangan Daya Bertutur akan dianggap sebagai ketidakupayaan kekal menyeluruh untuk berkomunikasi secara lisan.

Setiap pembayaran yang dibuat di bawah Seksyen 1(A) ini untuk setiap kategori kerugian seperti yang dinyatakan di atas akan mengurangi Jumlah yang Diinsuranskan untuk **Anda/Pemandu Anda** dan/atau penumpang, sebagaimana yang berlaku, dengan jumlah tersebut dari tarikh kemalangan sehingga tamat **Tempoh Insurans**.

Agregat bagi semua peratusan yang boleh dibayar bagi mana-mana satu kemalangan hendaklah tidak melebihi seratus peratus (100%) jumlah yang diinsuranskan dinyatakan di dalam **Jadual** untuk mana-mana satu orang di bawah Sekyen ini. Sekiranya sejumlah seratus peratus (100%) jumlah yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** dibayar selama **Tempoh Insurans**, endorsemen ini akan tamat.

**(B) BELANJA PERUBATAN**

Sekiranya **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang yang diberi kuasa mengalami kecederaan akibat kemalangan pada **Kereta Anda** dan **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang memerlukan rawatan oleh doktor atau pakar bedah, ditempatkan di hospital atau penggajian jururawat berlesen atau siswazah, **Kami** akan membayar perbelanjaan sebenar yang berlaku dalam tempoh dua puluh enam (26) minggu dari tarikh kemalangan untuk rawatan tersebut, caj hospital dan bayaran jururawat sehingga had yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** per Seorangan akibat dari satu kemalangan.

**(C) BELANJA PENGEBUMIAN**

Sekiranya berlaku kemalangan ketika berada di dalam **Kereta Anda** mengakibatkan kematian **Anda** atau kematian **Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang, **Kami** akan membayar wakil sah si mati jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** sebagai Perbelanjaan Pengebumian.

**(D) TANGGUNG RUGI BERGANDA**

Sekiranya berlaku kemalangan kepada **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang ketika berada di dalam **Kereta Anda** menyebabkan sama ada kuadraplegia, lumpuh kekal menyeluruh dari leher ke bawah atau kematian jika kemalangan berlaku sewaktu cuti umum, pembayaran manfaat untuk seksyen Kematian/Kehilangan Upaya Kekal akan menjadi dua kali ganda.

**(E) FAEDAH PEMBEDAHAN PEMBETULAN KOSMETIK**

**Kami** akan membayar balik kepada **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** berkenaan dengan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang untuk pembedahan pembetulan kosmetik yang dilakukan terhadap **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang pada leher atau kepala berikutan kecederaan yang diakibatkan akibat kemalangan di **Kereta Anda** dengan syarat pembedahan pembetulan kosmetik seperti ini disyorkan dan dilakukan oleh pakar bedah ortodontik atau pakar bedah kosmetik berlesen.

**(F) PENDAPATAN HOSPITAL**

**Kami** akan membayar **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang manfaat harian seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**, untuk setiap hari **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang dimasukkan ke hospital akibat kemalangan di **Kereta Anda**, sehingga maksimum enam puluh (60) hari.

Manfaat ini dibayar hanya jika **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang dimasukkan ke hospital selama lebih dari dua puluh empat (24) jam. Untuk tujuan bahagian ini, "hospital" bermaksud setiap hospital/pusat perubatan awam atau swasta yang beroperasi secara sah yang menyediakan bilik dan dewan dan perkhidmatan kejururawatan selama dua puluh empat (24) jam.

**SEKSYEN 2 – FAEDAH BANTUAN KERETA**

Endorsmen ini melayakkan **Anda** Manfaat Program Bantuan Kereta yang diatur oleh **Kami**, dua puluh empat (24) jam sehari, tiga ratus enam puluh lima (365) hari setahun, di mana sahaja di Malaysia. Perkhidmatan hanya akan diberikan kepada **Kereta Anda** yang dinyatakan dalam **Jadual** sekiranya berlaku kemalangan atau kerosakan pada **Kereta Anda** semasa **Tempoh Insurans**. **Anda/Pemandu Dibenarkan** daripada **Kereta Anda** mesti menghubungi nombor Bebas Tol 24 Jam **1 800 22 5542** atau Talian Darat **603 2264 0560** untuk meminta perkhidmatan di bawah.

**(A) KHIDMAT TUNDA KECEMASAN 24 JAM**

Sekiranya **Kereta Anda** rosak dan tidak membolehkan **Kereta Anda** dibaiki di tepi jalan, **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** akan membantu untuk menunda **Kereta Anda** sehingga empat ratus lima puluh kilometer (450 km) (perjalanan pergi balik dengan trak penunda). **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang hanya akan dikenakan biaya penarik tambahan jika perjalanan pergi balik melebihi empat ratus lima puluh kilometer (450 km). **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang diberikan fleksibiliti penuh ke mana anda inginkan **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang **Kereta Anda** ditunda, sama ada kembali ke rumah **Anda/Pemandu Dibenarkan** atau ke bengkel pilihan **Anda/Pemandu Dibenarkan**. Kos tunda tambahan adalah lebih kurang RM1.50 per km (perjalanan pergi balik). Namun, kos penarik dapat berubah sesuai dengan harga pasaran yang berlaku.

Sekiranya berlaku kemalangan, **Kami** atau penyedia perkhidmatan **Kami** akan membantu menunda **Kereta Anda** ke bengkel sah dan kos tunda mungkin boleh dituntut mengikut Bahagian A-3 dari **Polisi** ini.

**HAD WILAYAH**

Perkhidmatan tunda kecemasan selama dua puluh empat (24)jam disediakan sekiranya **Kereta Anda** tidak dapat bergerak di mana sahaja di Malaysia tidak termasuk pulau-pulau kecuali Pulau Pinang dan Langkawi.

**(B) PEMBAIKAN KEROSAKAN KECIL KERETA DI TEPI JALAN**

**Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** akan mengatur dan membayar kos tenaga kerja untuk pembaikan di tepi jalan **Kereta Anda** sehingga kerja maksimum dua (2) jam setiap kejadian. Jika pembaikan tidak dapat disempurnakan dalam tempoh dua (2) jam, **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** akan menunda **Kereta Anda** ke bengkel.

**Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** tidak bertanggungjawab atas segala kos yang diperlukan untuk alat-alatan yang diperlukan semasa pembaikan kerosakan kecil di tepi jalan.

**(C) BANTUAN TEKSI DAN KERETA SEWA**

Sekiranya berlaku kerosakan yang melibatkan **Kereta Anda** dan **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang memerlukan teksi atau sewaan kereta, **Kami** atau penyedia perkhidmatan **Kami** akan merujuk dan membantu **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang yang diberi kuasa untuk mengatur sewa teksi atau kereta. Kos penyewaan teksi atau kereta akan ditanggung oleh **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang.

**(D) PENGATURAN UNTUK PENGINAPAN HOTEL**

Sekiranya berlaku kerosakan yang melibatkan **Kereta Anda** dan **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang memerlukan penginapan hotel, **Kami** atau penyedia perkhidmatan **Kami** akan membantu **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang untuk mengatur tempahan hotel. Kos yang dikenakan untuk penginapan hotel tersebut akan ditanggung oleh **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang.

**(E) BANTUAN ANTARABANGSA**

Sekiranya berlaku kerosakan atau kemalangan yang melibatkan **Kereta Anda** semasa berada di Singapura atau Thailand, **Anda/Pemandu Dibenarkan** berhak mendapat perkhidmatan tunda percuma ke bengkel terdekat yang dipilih oleh **Kami** atau penyedia perkhidmatan **Kami** di Singapura atau Thailand.

**Kami** atau penyedia perkhidmatan **Kami** boleh membantu **Anda/Pemandu Dibenarkan** dalam mengatur penghantaran pulang **Kereta Anda** ke Malaysia. Walau bagaimanapun, semua kos penghantaran balik akan ditanggung oleh **Anda/Pemandu Dibenarkan**.

**(F) MENGATURKAN EVAKUASI KECEMASAN**

Jika dalam kecemasan dan memerlukan bantuan perubatan akibat kerosakan atau kemalangan, **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** akan mengatur ambulans atau pengangkutan lain untuk menghantar **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang ke pusat perubatan atau hospital yang berdekatan. Semua kos yang dikeluarkan harus ditanggung oleh **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang.

**(G) RUJUKAN PUSAT SERVIS**

**Anda/Pemandu Dibenarkan** boleh menghubungi **Kami** atau penyedia perkhidmatan **Kami** untuk mengatur rujukan ke tempat terdekat membaiki dan pusat servis untuk baik pulih atau membaiki **Kereta Anda**. **Kami** atau penyedia perkhidmatan **Kami** juga akan mengatur janji temu terlebih dahulu untuk **Anda/Pemandu Dibenarkan** sekiranya diperlukan. Semua kos yang dikenakan akan ditanggung oleh **Anda/Pemandu Dibenarkan**.

**(H) PENGHANTARAN MESEJ KECEMASAN**

Sekiranya berlaku kecemasan berikutan kerosakan atau kemalangan yang melibatkan **Kereta Anda**, **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** akan berusaha untuk memberitahu waris **Anda/Pemandu Dibenarkan** mengenai maklumat tentang **Anda/Pemandu Dibenarkan**. Manfaat ini hanya untuk **Anda/Pemandu Dibenarkan**.

**PENGECUALIAN UNTUK BAHAGIAN 2 - MANFAAT PROGRAM BANTUAN KERETA**

**Kami** atau penyedia perkhidmatan **Kami** tidak dimestikan memberikan perkhidmatan dalam keadaan berikut:

1. Sekiranya perkhidmatan tidak diatur atau dipersetujui secara langsung oleh **Kami** atau penyedia perkhidmatan **Kami**;
2. Sekiranya kos perkhidmatan boleh dituntut di bawah Bahagian A-3 **Polisi** ini (cth. Kos tunda sekiranya berlaku kemalangan);
3. Sebarang kos bahan dan kos pembaikan di bengkel atau pusat servis;
4. Sekiranya **Kereta Anda** sedang atau telah dimodifikasi untuk penyertaan litar dan perlumbaan atau diubah tidak mengikut peraturan kerajaan;
5. Di mana perkhidmatan diberikan di luar had wilayah yang ditetapkan;
6. Kegagalan **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang **Kereta Anda** untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya atau mengikut amaran mengenai sebarang mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang diwarwarkan melalui media massa;
7. Sekiranya ada tindakan tidak sah atau menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang dari **Kereta Anda** atau di mana **Kereta Anda** digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau tujuan tidak sah;
8. Mana-mana kenderaan komersial;
9. Apabila kunci kereta tidak ada atau terkunci di dalam **Kereta Anda**;
10. Apabila tidak ada bahagian mekanikal di dalam **Kereta Anda**, seperti enjin atau transmisi;
11. Di mana penundaan **Kereta Anda** adalah untuk tujuan pelupusan;
12. Di mana penundaan **Kereta Anda** adalah untuk tujuan memindahkan **Kereta Anda** dari satu bengkel ke bengkel yang lain;
13. Apabila tidak ada cakera cukai jalan yang sah yang dipaparkan di **Kereta Anda**;
14. Di mana penundaan dibuat untuk **Kereta Anda** yang telah dicuri tetapi kemudian dijumpai atau didapati ditinggalkan atau di mana penundaan dibuat kerana vandalisme terhadap **Kereta Anda**;
15. Di mana **Kereta Anda** telah ditanggalkan sebahagian atau sepenuhnya di bengkel;
16. Penundaan **Kereta Anda** di mana berat **Kereta Anda** lebih besar daripada kapasiti berat yang direka untuk menampung seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi pengeluar **Kereta Anda**;
17. Penundaan **Kereta Anda** di mana nombor pendaftaran tidak sepadan dengan nombor yang didaftarkan dengan **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami**;
18. Sekiranya **Kereta Anda** mengalami kerosakan mekanikal dan tidak dapat bergerak di permukaan jalan yang tidak berturap atau di jalan yang tidak diwartakan dari Sistem Jalan Raya Malaysia, Singapura dan/atau Thailand; dan
19. Sekiranya **Kereta Anda** memerlukan penggunaan peralatan khas semasa pemulihan.

**PERUNTUKAN KHAS**

1. Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal ditambah untuk melindungi **Anda** dua puluh empat (24) jam sehari, tidak kira sama ada **Anda** berada di dalam **Kereta Anda** atau tidak. Walau bagaimanapun, perlindungan tersebut tidak akan terpakai sekiranya kematian atau hilang upaya kekal disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berkaitan dengan perkara berikut: (i) provokasi pembunuhan atau serangan; (ii) semasa melakukan perjalanan di dalam pesawat sebagai anggota kru, kecuali hanya sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang; (iii) semasa melakukan atau cuba melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang; (iv) semasa menyertai mana-mana sukan profesional, seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti udara termasuk payung terjun dan hanggliding, aktiviti selam melebihi lima puluh (50) meter kedalaman, pendakian gunung yang melibatkan penggunaan tali atau pemanduan mekanikal, berlumba (selain berjalan kaki) ; (v) pengionan, radiasi atau pencemaran oleh radioaktif, bahan senjata nuklear; (vi) memandu tanpa lesen yang sah (dengan bersyarat bahawa ini tidak akan terpakai jika **Anda** mempunyai lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak dibatalkan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu seperti di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau undang-undang lain yang berkaitan.
2. Pampasan harian di bawah Manfaat Pendapatan Hospital hanya perlu dibayar sekiranya **Anda/Pemandu Dibenarkan** dan/atau penumpang dimasukkan ke hospital dalam masa dua puluh (20) hari dari tarikh kemalangan. Tempoh maksimum pampasan bagi satu kemalangan adalah enam puluh (60) hari. Tempoh menetap di hospital, kerana sebab yang sama, akan dianggap sebagai satu kemalangan.
3. Pampasan di bawah Manfaat Perbelanjaan Perubatan hanya akan dibayar sekiranya rawatan perubatan tersebut diberikan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan dalam masa dua puluh enam (26) minggu dari tarikh kemalangan, dengan syarat perbelanjaan pertama ditanggung dalam masa dua puluh (20) hari dari tarikh kemalangan. **Kami** akan membayar balik perbelanjaan sebenar, perlu dan perbelanjaan munasabah yang dikenakan sehingga maksimum seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual** untuk setiap satu kemalangan.
4. Sekiranya jumlah penumpang sebenarnya melebihi jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** didalam **Polisi**, Had Tanggungjawab **Kami** setiap orang akan dikurangkan dengan nisbah jumlah penumpang sebenar dengan jumlah penumpang bilangan penumpang yang diisytiharkan. Batasan ini tidak akan berlaku untuk **Anda/Pemandu Dibenarkan**.
5. Penumpang berusia lima belas (15) hari hingga lima belas (15) tahun hanya berhak mendapat lima puluh peratus (50%) dari jumlah semua faedah yang perlu dibayar kepada mereka sebagaimana yang dinyatakan di sini.

**SYARAT-SYARAT YANG PERLU UNTUK ENDORSMEN INI**

